

22/09/1997

Henti sementara operasi

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahukan kilang yang mengeluarkan asap supaya memberhentikan operasi buat sementara dalam usaha membantu kerajaan mengatasi masalah jerebu yang dihadapi negara sekarang.

Perdana Menteri juga mahu kerja tanah dikurangkan dan mereka yang mengendalikan kerja itu hendaklah membasahkan tanah supaya habuk tidak naik ke udara.

"Sesetengah kilang yang mengeluarkan asap sepatutnya berhentilah, kerja korek tanah hendaklah siramkan air supaya tidak ada debu naik," katanya ketika diminta mengulas mengenai jerebu di negara ini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah dari Tawau, Sabah selepas merasmikan kongres Parti Maju Sabah (SAPP). Dr Mahathir tiba di Tawau pagi tadi dari Hong Kong kerana menghadiri mesyuarat Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Jumaat lalu, Dr Mahathir selaku Pengarah Keselamatan Negara mengisytiharkan keadaan darurat jerebu di Sarawak selepas Indeks Pencemar Udara (API) di negeri itu mencecah angka 625, jauh melepasi tahap bahaya 301-500.

Perdana Menteri berkata, pelbagai langkah sudah diambil untuk mengatasi masalah jerebu dan buat masa ini lapan pesawat diguna untuk kerja pembenihan awan.

Ketika diberitahu bahawa catatan indeks itu menunjukkan penurunan di kawasan tertentu tetapi jerebu dilihat masih tebal, beliau berkata kajian perlu dibuat mengikut ukuran saintifik dan "jika kita nak buat ikut pandangan kita, susahlah."

Beliau berkata, keadaan darurat di Sarawak kekal sungguhpun indeks di negeri itu sudah menurun.

(END)